CIMB Islamic Berhad (200401032872)

NOTIS PENTING:
Semakan kepada Terma Dan Syarat CIMB CashLite-i

2 November 2026

Pelanggan yang Dihargai,

Berkuat kuasa 22 November 2026, Terma dan Syarat CIMB CashLite-i akan dikemas kini seperti jadual di bawah.

Untuk memudahkan rujukan, rujuk jadual dibawah untuk pindaan kepada Terma dan Syarat CIMB CashLite-i yang ditandakan dengan huruf tebal dan bergaris bawah.

Anda boleh melihat Terma dan Syarat CIMB CashLite-i yang dikemas kini pada 22 November 2026 di sini.

Terma dan Syarat CIMB CashLite-i

Klausa	Klausa Sedia Ada	Klausa Baharu/Dikemaskini
17 b	Kesemua had kad kredit tersedia akan dipulihkan secara progresif (dengan jumlah bahagian prinsipal dibayar) dan disediakan untuk kegunaan Pemegang Kad dan apabila setiap Pembayaran Bulanan CashLite-i diterima oleh Bank.	Dipadamkan
23	Tanpa menjejaskan Klausa 21 di atas, jika jumlah tertunggak yang timbul daripada penyelesaian awal tidak dibayar sepenuhnya pada tarikh penyelesaian awal, caj keuntungan harian pada kadar 18% setahun akan terakru ke atas baki tertunggak, dikira setiap hari dari tarikh penyelesaian awal sehingga tarikh pembayaran penuh diterima oleh Bank (termasuk kedua-dua tarikh). Caj keuntungan harian tersebut akan dicaj ke Akaun Pemegang Kad dan hendaklah dibayar mengikut Terma dan Syarat Pemegang Kad. Contoh 2: Ilustrasi Caj Keuntungan Harian Selepas Penyelesaian Awal: Jumlah tertunggak yang perlu dibayar semasa penyelesaian awal (termasuk prinsipal tertunggak dan Caj Keuntungan Ansuran pro-rata): RM3,063.25	Dipadamkan

Tarikh penyelesaian awal: 1 Julai 2026

Tarikh pembayaran penuh: 11 Julai 2026

Bilangan hari tertunggak: 11 hari

Caj keuntungan harian: 18% setahun

Pengiraan Caj Keuntungan Harian:

Caj keuntungan harian

= Amaun tertunggak × 18% × Bilangan hari / 365

= RM3,063.25 × 18% × 11 / 365

= RM16.65

Jumlah amaun yang perlu dibayar:

Keterangan	**Amaun (RM)**
Amaun tertunggak pada tarikh penyelesaian awal	3,063.25
Caj keuntungan harian (11 hari)	16.65
Jumlah yang perlu dibayar	**3,079.90**

Terima Kasih.

Pihak Pengurusan
CIMB Islamic Bank Berhad